



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 24 MAC 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SIN CHEW DAILY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	FAMA JAYAKAN DAN 2.0 MELALUI PEMBANGUNAN PUSAT RUJUKAN PERTANIAN BERTEKNOLOGI TINGGI, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	FAMA DEVELOPS HIGH-TECH REFERENCE CENTRE TO REALISE DAN 2.0, BORNEO POST -ONLINE	
4.	PERTANIAN PINTAR MENERUSI DAN 2.0, NASIONAL, SH -19	
5.	PROJEK AIS MARDI RM8.87 JUTA TIDAK DIGUNAKAN, BH -ONLINE	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
6.	PROJEK AIS MARDI RM8.87 JUTA SIAP TIDAK DIGUNAKAN, NASIONAL, BH -8	
7.	SYOR LKIM TAMBAH BAIK SOP BAYARAN ELAUN SARA HIDUP NELAYAN, NASIONAL, BH -8	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
8.	AUDIT: LKIM BAYAR SUBSIDI LEBIH RM2 JUTA TAPI PEMILIK BOT TIDAK ISYTIHAR HASIL TANGKAPAN, BH -ONLINE	
9.	SIN CHEW DAILY -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
10.	SAWAH DITUKAR JADI PERUMAHAN JEJAS PENGELUARAN PADI, NASIONAL, BH -20	
11.	HASIL PADI BERKURANG 28,307 TAN SETAHUN, SIDANG DUN KEDAH, SH -26	
12.	HARUMANIS MANGO PRICE HIKE DUE TO WEATHER, NEWS IN BRIEF, NST -12	LAIN-LAIN
13.	ANGLER PRAISED FOR REMOVING FISH HOOK FROM TURTLE, NEWS IN BRIEF, NST -12	
14.	PENYU MINTA 'TOLONG', NASIONAL, SH -19	
15.	REVOLUSI DRON UBAH LANDSKAP PERTANIAN KONVENSIONAL, GAYA INOVASI, UM -24	
16.	'PETANI PERLU MANFAAT TEKNOLOGI', GAYA INOVASI, UM -25	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



阿末韩沙（左二）预计斋戒月及开斋节时，食物供应稳定且充足。（刘雯诗摄）

農業部：目前雞及蛋短缺 齋戒月食物供應足

（檳城22日讯）农业及食品工业部副部长拿督斯里阿末韩沙预计，在来临的斋戒月及开斋节时，食物供应会稳定且充足。

他今日为国家水利灌溉机构（MANCID）第24届大会开幕后在新闻发布会上说，除了鸡和鸡蛋从去年10月起明显短缺供应外，目前没有市场食品供应短缺的报告。

他说，政府年初批准从2个国家进口鸡只调节供需，但目前进口国泰国和中国也面对鸡只涨价的问题，主要是有关国家面对非洲猪瘟问题，造成当地的鸡只需求也增加。

上述大会的主题是“农业用水管理的创新与研究，以达到永续性目标”。

研究建议 北马重建水资源

阿末韩沙致开幕辞时说，气候变化及天灾影响农业及食品供应，除了去年底多州面对严重水灾，2017年檳城、登加楼、吉兰丹和彭亨亦遭遇严重水灾，导致

“就稻田而言，《2010至2050年国家水资源研究》指北马包括檳城、吉打和玻璃市将面对严重的水资源短缺。研究建议重建水资源，包括兴建贝里斯（Beris）、诺亚（Noak）和雷曼（Reman）水坝和珍妮运河（Jeniang Canal），解决吉州缺乏水资源的问题，以满足慕达农业发展局（MADA）种稻的需要。”

他说，导引慕达河和贝里斯水坝的水至MADA南部的农业用水及本同（Pendang）部分的灌溉计划，将完备水资源基础设施建设系统。此外，把水从巴也伯达（Paya Peda）水坝导至周边的Ketara 2期项目，也将有助士兆（Setiu）开辟新的稻田区。

“政府积极透过创新技术如灌溉基础设施的建设，改进排水管理，以减轻遭气候变化对我们的影响。”

他随后受询檳州与吉打水供纠纷是否影响檳州农业用水时，回应说土地和水供是州政府权限。

“水源是人类的基本需求，也是农业发展的基础。”



24 MAR, 2022

FAMA jayakan DAN 2.0 melalui Pembangunan Pusat Rujukan Pertanian Berteknologi Tinggi

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA jayakan DAN 2.0 melalui Pembangunan Pusat Rujukan Pertanian Berteknologi Tinggi

KUALA LUMPUR: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memainkan peranan penting dalam menjayakan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dengan

membangunkan Pusat Rujukan Pertanian Berteknologi Tinggi yang menggunakan teknologi terkini dalam penghasilan tanaman.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri

Dr Ronald Kiandee berkata, kaedah itu secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan usahawan tani dan menarik minat golongan muda untuk menceburi bidang pertanian. — Bernama



24 MAR, 2022

FAMA jayakan DAN 2.0 melalui Pembangunan Pusat Rujukan Pertanian Berteknologi Tinggi

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memainkan peranan penting dalam menjayakan Dasar Agromakanan Negara 2021- 2030 (DAN 2.0) dengan

membangunkan Pusat Rujukan Pertanian Berteknologi Tinggi yang menggunakan teknologi terkini dalam penghasilan tanaman Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri

Dr Ronald Kiandee berkata, kaedah itu secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan usahawan tani dan menarik minat golongan muda untuk menceburi bidang pertanian. — Bernama



24 MAR, 2022

Fama develops high-tech reference centre to realise DAN 2.0

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 1 of 2

Fama develops high-tech reference centre to realise DAN 2.0

KUALA LUMPUR: The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) has played an important role in the success of the National Agrofood Policy 2021-2030 (DAN 2.0), by developing a High-Tech Agricultural Reference Centre that uses the latest technology in crop production.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Klandee said it could indirectly increase the income of farmers and attract young people to venture into agriculture.

"The contribution of the agrofood sector to Gross Domestic Product (GDP) is expected to increase by five per cent by 2030, the final year of implementation of DAN 2.0, compared with 2.3 per cent in 2020," he said at the 2022 Outstanding Service Award (APC) ceremony and Jasamu Dikenang, at Fama headquarters here on Tuesday.

According to a statement issued by Fama yesterday, Ronald said the DAN 2.0 placed modernisation and smart agriculture as the key game changer, and the main thrusts focused on the successful transformation of the agrofood sector. The implementation of DAN 2.0 is driven by six objectives, supported by five cores, 21 strategies and 77 action plans that will be realised through various departments and agencies in its 10 years' implementation, leading to 2030.

Ronald added that Agrobazaar Online has produced 6,597 entrepreneurs and has 19,045 Stock Keeping Units (SKU) thus far. He said Agrobazaar Online is an e-commerce platform, wholly owned by the Ministry of Agriculture and Food Industries (Mafi), which has been developed and managed by Fama, and until last year it has recorded a cumulative sales value of RM9.3 million.

At the APC ceremony, a total of 311 Fama employees were feted this year including retired staff, recipients of APC, Loyal Service Award and Special Award.

Also during the event, Ronald launched the new hall at the Fama headquarters, which can accommodate 150 people at any one time, in accordance with the new norms and standard operating procedures (SOPs) set. — Bernama



24 MAR, 2022

Fama develops high-tech reference centre to realise DAN 2.0

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) has played an important role in the success of the National Agrofood Policy 2021-2030 (DAN 2.0), by developing a High-Tech Agricultural Reference Centre that uses the latest technology in crop production. Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said it could indirectly increase the income of farmers and attract young people to venture into agriculture.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

Projek AIS MARDI RM8.87 juta tidak digunakan



➤ Sistem pertanian pintar yang sudah siap bernilai RM8.87 juta tidak digunakan sejak November 2020. - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Projek Agriculture Intelligence System (AIS) Fasa 1 di bawah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berjumlah RM8.87 juta, yang sudah siap, dikesan tidak digunakan sejak November 2020.

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2020 Siri 1, projek itu sudah siap dengan serahan dibuat pada 1 Februari 2020.

Mengulas lanjut, audit turut menemui bayaran sebanyak RM0.95 juta dibuat di luar tempoh kontrak, membabitkan bayaran tidak wajar.

"Selain itu, berlaku juga pengurangan denda lewat sebanyak RM0.51 juta disebabkan kelewatan semakan dokumen dan gangguan perkhidmatan 'cloud'," katanya.

Sehubungan itu, pihak audit mengesyorkan supaya projek dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian bagi mengelakkan pembayaran di luar kontrak.

Katanya, agensi terbabit perlu memastikan formula pengiraan denda lewat bagi perolehan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) mengikut peraturan kerajaan supaya tuntutan denda lewat dibuat dengan teratur dan mematuhi klausa perjanjian.

"Pemantauan terhadap pengurusan projek perlu dipastikan dibuat dengan lebih berkesan dan mengambil tindakan segera terhadap masalah berbangkit.

"Selain itu, penting untuk memastikan sistem digunakan secara optimum dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi mengelakkan pembaziran kepada kerajaan," katanya.

Projek AIS Fasa 1 dibangunkan sebagai pemudah bagi menghubungkan semua pihak berkepentingan dalam rantai bekalan melalui rangkaian ICT di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

24/3/2022

BERITA

8

NASIONAL

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020 Siri 1



Sistem pertanian pintar yang sudah siap disaran digunakan secara optimum. (foto Hasan)

Projek AIS MARDI RM8.87 juta siap tidak digunakan

Audit turut temui
bayaran RM0.95j
dibuat di luar
tempoh kontrak

oleh Suzalina Hashim
suzalina@dh.com.my

Kuala Lumpur, Projek Agriculture Intelligence System (AIS) Fasa 1 di bawah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bernilai RM8.87 juta yang sudah siap, tidak digunakan sejak November 2020.

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (KAN) Tahun 2020

Siri 1, projek itu sudah siap dengan serahan dibuat pada 1 Februari 2020.

Mengulas lanjut, audit turut menemui bayaran sebanyak RM0.95 juta dibuat di luar tempoh kontrak, membabitkan bayaran tidak wajar.

"Selain itu, berlaku juga pengurangan dana lewat sebanyak RM0.51 juta disebabkan kegagalan semesta dokumen dan gangguan perkhidmatan 'cloud', katanya.

Seluruhannya itu, pihak audit mengesahkan supaya projek dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian bagi mengelakkan pembayaran di luar kontrak.

Katanya, agensi terbabit perlu memastikan formula pengiraan denda lewat bagi perolehan tek-

nologi malohmat dan komunikasi (ICT) mengikut peraturan kerajaan supaya tuntutan denda lewat dibuat dengan teratur dan mematuhi klausa perjanjian.

"Penamatan terhadap pengurusan projek perlu dipaparkan di luar dengan lebih ketekunan dan mengambil tindakan segera terhadap masalah berbangkit.

Selain itu, penting untuk memastikan sistem digunakan secara optimum dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi mengelakkan pembaziran kepada kerajaan," katanya.

Projek AIS Fasa 1 dibangunkan sebagai pemudah bagi mengabungkan semua pihak berkepentingan dalam rancangan bekalan melalui rangkaian ICT di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Syor LKIM tambah baik SOP bayaran elaun sara hidup nelayan

Kuala Lumpur, Lembaga Kelayakan Ikan Malaysia (LKIM) dikesokan membayar Skim Subsidi Diesel dan Petrol berjumlah RM212 juta kepada pemilik vesel perikanan yang tidak mengesyorkan hasil tangkapan ikan.

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (KAN) Tahun 2020 Siri 1, LKIM di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan turut membuat pembayaran elaun sara hidup nelayan (EHSN) berjumlah RM24.67 juta kepada nelayan yang sudah meninggal dunia.

Selain itu, LKIM juga dida-

pari melakukan pembayaran insentif penderatan ikan sebanyak RM21.392 kepada nelayan yang meninggal dunia.

"Justeru, pihak audit mengesyorkan supaya LKIM menetapkan baik prosedur operasi standard (SOP) bagi bayaran ESHN dan insentif penderatan ikan.

"LKIM juga perlu menguatkuasakan tindakan senarai hitam dan sekatan bekalan minyak Skim Subsidi Diesel dan Petrol terhadap pemilik vesel yang gagal atau enggan mengesyorkan hasil tangkapan ikan kepada agensi itu," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

Audit: LKIM bayar subsidi lebih RM2 juta tapi pemilik bot tidak isytihar hasil tangkapan



KUALA LUMPUR: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dikesan membayar Skim Subsidi Diesel dan Petrol berjumlah RM2.12 juta kepada pemilik vesel perikanan yang tidak mengisytiharkan hasil tangkapan ikan

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2020 Siri 1, LKIM di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan turut membuat pembayaran elaun

sara hidup nelayan (EHSN) berjumlah RM24,571 kepada nelayan yang sudah meninggal dunia.

LKAN yang dikeluarkan semalam itu turut mendapati, LKIM melakukan pembayaran insentif pendaratan ikan sebanyak RM21,392 kepada nelayan yang meninggal dunia.

ADVERTISING

"Justeru pihak audit mengesyorkan supaya LKIM menambah baik prosedur operasi standard (SOP) bagi bayaran ESHN dan insentif pendaratan ikan.

"Ia dilakukan dengan memperhalusi elemen semakan dan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan," katanya.

Menurut LKAN, LKIM juga perlu menguatkuasakan tindakan senarai hitam dan sekatan bekalan minyak Skim Subsidi Diesel dan Petrol terhadap pemilik vesel yang gagal atau enggan mengisytiharkan hasil tangkapan ikan kepada agensi itu.

Selain itu, katanya LKIM juga disyorkan memastikan penambahbaikan sistem yang terbabit dilaksanakan dengan mempunyai ciri keselamatan, boleh dipercayai dan pelan kesinambungan perkhidmatan.

(吉隆坡22日讯)
农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪说，2021年第一季和第二季在雪州落实的大型精明稻米计划(Smart SBB)，证实能提高稻米的州产量。

他今日在下议院回答土团党沙白安南区国会议员莫哈末法西亚提问时说，就雪州大港国会选区及沙白安南区国会选区，在第2季稻米平

農長：精明稻米計劃成功 雪2地稻米增產32%

均收成增加了32%，或每公顷平均达到3.5至6.4吨的收成量，使170名稻农受惠。

他表示，在去年第2季，面积达到316.2公顷的稻田地，在落实Smart SBB计划后成功使产量增加285%至2357吨。

“去年第一季的整个产量达610.8吨，或公顷产量平均为3.5至4.4吨。”

他说，去年第一季，当局联手在这两国选区面积达159.8公顷土地，落实了Smart SBB计划，使117名稻农受惠。

24/3/2022

BERITA
HARIAN

NASIONAL

20

Sawah ditukar jadi perumahan jejas pengeluaran padi

Alor Setar: Pengeluaran hasil padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah dianggarkan berkurangan sebanyak 28,307 tan setahun, iaitu RM44.16 juta berikutan kawasan sawah diubah syarat kepada perumahan dan pembangunan domestik sejak 2010 hingga 2021.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Industri Makanan, Perusahaan Perlindungan Komoditi dan Hal Ehwal Masyarakat India negeri, Azman Nasrudin, berkata 2,830.73 hektar sawah di Kedah sudah diubah syarat kepada perumahan dan pembangunan domestik dalam tempoh 11 tahun itu.

Katanya, jumlah keluasan ini berdasarkan permohonan ubah syarat yang diterima MADA.

"Tiada perwartaan atau penggantian tanah sawah baharu dalam tempoh itu, pengurangan hasil itu adalah secara purata lima tan sehektar bagi dua musim penanaman padi.

"Bagaimanapun pewartaan kawasan pinggir MADA sebagai sebahagian kawasan Muda dilakukan pada 6 April 2009 membabitkan keluasan 2,730 hektar kawasan penanaman padi.

"Kawasan pinggir yang diwartakan ini adalah terdiri dari pada 11 skim pengairan iaitu daerah Kubang Pasu sebanyak tiga skim, Pokok Sena sebanyak enam skim di daerah Pendang dan Yan," katanya pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah, semalam.

Beliau menjawab soalan Mohamad Yusoff Zakaria (Kuala Nerang-PAS) mengenai keluasan tanah sawah yang ditukar kepada perumahan dan pembangunan hasil pertanian akibat pertukaran tanah dari tahun 2010 hingga 2021.

Azman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lunas, berkata secara umumnya proses pembangunan tidak dapat dilakukan kerana ia menjadi tuntutan kepada pembangunan ekonomi dan sosial negeri untuk kepentingan rakyat.

Katanya, usaha berterusan dilaksanakan MADA untuk meningkatkan hasil padi bagi me-

astikan keperluan makanan negara terpelihara termasuk program peningkatan hasil khususanya di kawasan pinggir MADA yang diwartakan.

"Antara langkah kawalan yang sudah dilaksanakan adalah MADA mengesyorkan untuk pembangunan dilaksanakan di kawasan yang berada di luar zon pertanian selari dengan penempatan kawasan Muda yang diwartakan sebagai kawasan penanaman padi dua kali setahun, bagaimanapun pihak MADA tidak mempunyai kawalan bagi pembinaan rumah secara persendirian oleh tuan tanah.

"MADA terabit sebagai antara agensi membekalkan input serta kajian kes kepada Kajian Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara yang dilaksanakan oleh PLAN Malaysia. Input berhubung pemeliharaan tanah sawah dikemukakan kepada pelaksanaan kajian untuk dibuat pengesyoran wajar," katanya.



Azman Nasrudin



Pengeluaran hasil padi di kawasan MADA di Kedah dianggarkan berkurangan 28,307 tan setahun. (Foto hiasan)

24/3/2022

SINAR

26

HARIAN

SIDANG DUN

KEDAH

Hasil padi berkurang 28,307 tan setahun

Akibat ubah syarat tanah kepada perumahan dan pembangunan domestik

Oleh ROSLINDA HASHIM
dan NURUL HIDAYAH HAMID

ALOR SETAR

Kedah mengalami pengurangan hasil padi sebanyak 28,307 tan setahun akibat penukaran kawasan sawah padi yang diubah syarat kepada perumahan dan pembangunan domestik sejak 11 tahun lalu.

Exco Pertanian dan Industri Makanan, Perusahaan Perlindungan dan Komoditi Kedah, Azman Nasrudin berkata, pengurangan hasil itu menyinari RM44.16 juta yang direkodkan sejak tahun 2010 hingga tahun lepas dengan purata hasil lima tan sehektar bagi dua musim penanaman padi.

Menurutnya, ia membabitkan keluasan tanah sawah sebanyak 2,830.73 hektar berdasarkan kepada permohonan ubah syarat yang diterima Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dalam tempoh tersebut.

"Tiada pewartan atau penggantian tanah sawah baharu dalam kawasan Muda dalam tempoh itu. Bagaimanapun, pewartan kawasan pinggir MADA sebagai sebahagian kawasan Muda telah dilaksanakan pada 6 April 2009 melibatkan keluasan 2,730 hek-



AZMAN

Sebanyak 2,830.73 hektar keluasan tanah sawah di Kedah diubah syarat kepada perumahan dan pembangunan domestik.



tar kawasan tanaman padi.

"Kawasan pinggir yang diwartakan terdiri daripada 11 skim pengiran di daerah Kubang Pasu, Pokok Sena, Pendang dan Yan," katanya ketika menjawab soalan lisan Mohamad Yusoff Zakaria (Pas-Kuala Negeri) di Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah pada Rabu.

Azman berkata, usaha dilaksanakan untuk meningkatkan hasil padi bagi memastikan keperluan makanan negara terpelihara selain program peningkatan hasil di kawasan pinggir MADA yang diwartakan.

"Antaranya dengan memperkenalkan Projek Sawah Secara Perlindungan (PSSP) melibatkan 3,000 hektar di kawasan MADA, sebelum ini hasil purata diperolehi antara empat hingga lima tan per hektar, namun selepas PSSP, hasil meningkat ke-

pada 5.5 hingga 6.5 tan per hektar.

"Usaha lain termasuk SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) melibatkan 100 hektar, yang mana dalam tempoh dua tahun hendaklah capai tujuh tan per hektar dilaksanakan di Kampung Tok Jering di Alor Setar dengan 70 peserta," jelasnya.

Menurutnya, kesemua usaha berkenaan dilakukan agar Kedah dapat mengekalkan Tahap Sara Diri (SSL) beras untuk keperluan negeri sebanyak 40 peratus dan membantu negara mengekalkan sasaran 70 peratus SSL.

"Kedah akan terus mengekalkan kawasan sawah. Sekiranya 10 peratus daripada kawasan sawah padi itu dibangunkan kita boleh tambah hasil lebih RM100 juta, namun atas keperluan jaminan makanan negara, kita bertorban," katanya.

Harumanis mango price hike due to weather

KANGAR: Unpredictable weather conditions and the spike in production cost have caused the price of Harumanis mangoes to increase by 10 per cent compared with the previous season. State Agriculture and Agro-Based Committee chairman Nurulhisham Yaakob said the state government proposed that the Premium Grade A Harumanis mangoes be sold at RM35 per kilogramme, Premium B at RM30 per kg and Grade C at RM15 to RM25 per kg. Nurulhisham said uncertain weather patterns had caused many Harumanis flower buds to fall and yields to drop. Nurulhisham said the price increase was inevitable to ensure that Harumanis mango farmers did not suffer huge losses due to the hike in production cost. **Bernama**

Angler praised for removing fish hook from turtle

KEMAMAN: Angler Mahadi Mat, 42, recently removed a fish hook from a green sea turtle (*penyu agar*) that swam up to him in Kuala Kertih, which gave him a boost of good mood. He said that the turtle paid him a surprise visit around 6.50pm on Tuesday while he was fishing, accompanied by his wife, Rohayati Yusof, 32. "This is the first time I'm seeing a turtle while fishing. It made me so happy. But when it got closer, I saw that there was a fish hook in its mouth. So I picked up the turtle and removed the hook. The other anglers told me to release it into the sea away from the river confluence where there are a lot of rocks." He said it weighed around 10kg and didn't seem to have other injuries. The video of the ice delivery driver's act of kindness was shared on Facebook and won praise from netizens.

Bernama

Penyu minta 'tolong'

Seorang pemancing terkejut dihampiri haiwan itu yang tersangkut mata kail pada bahagian mulut

Oleh NORHASPIDA YATIM

KEMAMAN

Seorang pemandu lori terkejut apabila di-datangi seekor penyu seolah-olah meminta pertolongan ketika sedang memancing di kawasan pantai Kuala Kerthi di sini pada Isnin lalu.

Mahadi Mat, 42, berkata, dia ternampak penyu yang dianggarkan seberat 10 kilogram (kg) itu muncul dari permukaan air menuju ke arahnya pada jarak 15 meter kira-kira jam 6.50 petang.

"Dari jauh saya nampak macam ada sesuatu muncul di permukaan air, makin lama makin dekat menuju ke arah saya. Saya tak sangka penyu.

"Pada mulanya saya hanya biarkan sahaja penyu itu kerana menganggap ia mahu 'bermain' di situ. Tapi bila teringat satu video pernah saya tonton menceritakan penyu dekati manusia untuk meminta tolong, saya terus dapatkan penyu itu.

"Bila tengok dekat, rupanya ada mata kail yang sudah berkarat tersangkut pada mulut penyu itu," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.



Mahadi bersama penyu yang menghampirinya ketika memancing di Pantai Kuala Kerthi, di Kemaman pada Isnin lalu.

Menurut Mahadi, selepas mengangkat penyu itu ke darat, dia menggunakan playar muncung tirus untuk mengeluarkan mata kail yang tersangkut pada mulut reptilia laut itu.

"Proses mengeluarkan mata kail sekejap sahaja tak sampai lima minit. Mujurlah mata kail itu tidak patah.

"Selepas memastikan tiada lagi mata kail atau kecederaan pada badan haiwan itu, saya melepaskan penyu itu kembali ke laut," katanya.

Mahadi yang tinggal di Kampung Baru, Kerthi di sini berkata, sebelum ini dia pernah mendengar cerita daripada pemancing di kawasan itu yang memberitahu pernah ternampak

penyu muncul di situ.

"Saya tidak pasti sama ada penyu yang saya jumpa itu penyu sama atau lain dan tidak dapat mengesahkan sama ada jantan atau betina.

"Saya juga tak dapat pastikan jenis penyu itu kerana ini pertama kali saya bertemu haiwan itu sebab selama ini hanya lihat penyu pada program atau pameran," katanya.

Mahadi berkata, dia berharap penyu yang dilepaskan itu selamat dan tidak berdepan sebarang ancaman.

"Saya harap penyu itu kembali aktif dan sihat sebab ia nampak macam lemah, mungkin sudah lama menahan sakit disebabkan mata kail itu," katanya.

Pertanian pintar menerusi DAN 2.0

KUALA LUMPUR - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memainkan peranan penting dalam menjayakan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dengan membangunkan Pusat Rujukan Pertanian Berteknologi Tinggi yang menggunakan teknologi terkini dalam penghasilan tanaman.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kaedah itu secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan usahawan tani dan menarik minat golongan muda untuk menceburi bidang pertanian.

"Sumbangan sektor agro-

makanan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dijangka akan meningkat lima peratus menjelang 2030 iaitu akhir tahun pelaksanaan DAN 2.0 berbanding 2.3 peratus pada 2020," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan FAMA di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Jasamu Dikenang Tahun 2022 di Ibu Pejabat FAMA di sini pada Selasa.

Beliau berkata, DAN 2.0 meletakkan pemodenan dan pertanian pintar sebagai *key game changer* dan teras dasar utama yang diberikan tumpuan bagi menjayakan transformasi sektor agromakanan.

Pelaksanaan DAN 2.0 dipacu oleh enam objektif, didukung lima teras serta disokong 21 strategi dan 77 pelan tindakan yang akan direalisasikan melalui pelbagai jabatan dan agensi dalam tempoh 10 tahun sehingga 2030.

Sementara itu, Ronald berkata, Agrobazaar Online telah melahirkan 6,597 usahawan dan mempunyai 19,045 *Stock Keeping Unit* (SKU) sehingga kini.

Beliau berkata, Agrobazaar Online merupakan portal e-dagang milik penuh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang dibangunkan dan diuruskan oleh FAMA.

- Bernama

Oleh NORUL AKMA
MOHD. ZAIN
gayautusan@mediamulla.com.my

PENGUNAAN kaedah teknologi internet kebendaan (IoT) seperti perkhidmatan dron dalam bidang pertanian kini dilihat telah mengubah lanskap pertanian konvensional yang mampu menjamin hasil pengeluaran makanan dengan lebih optimum selain dapat menjaga pendapatan.

Pemilik dron pertanian Muhammad Safwan Abu Hasan, 32 berkata dia memanfaatkan penggunaan dron pada hampir kesemua peringkat penanaman padi di sawah miliknya daripada menyebarkan racun, hinggalah ke pemberian baja.

"Saya mula mencuba penggunaan dron sekitar 2019. Pada peringkat permulaan saya gunakan untuk menyebarkan racun di petak sawah milik saya di Permatang Nibong," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di bendang sawah berhampiran Tanah Liat, Kubang Semang, Pulau Pinang baru-baru ini.

Penggunaan peralatan nyata memberikan sumber pendapatan buat dirinya apabila dronnya menawarkan perkhidmatan menyebarkan racun, baja dan benih padi kepada petani ladang dan pesawah.

"Sebelum ini saya menggunakan custom drone dari jenama yang berbeza, cuma sama dari segi kapasiti iaitu 16 liter. Namun, kini saya menggunakan dron jenis Agras T16 DJI yang bernilai kira-kira RM54,000 yang lebih mudah dipandu dan memiliki sensor keselamatan yang lebih terjamin.

"Ia menjimatkan kos tenaga manusia. Paling utama dapat mengurangkan risiko terhadap kesihatan. Contohnya jika menggunakan tenaga manusia untuk sembur racun, semal baja mahupun benih padi ia boleh mengambil masa selama

Revolusi dron ubah landskap pertanian konvensional

satu jam untuk keluasan satu petak sawah padi iaitu kira-kira 0.6 hektar berbanding menggunakan teknologi dron dengan hanya memakan masa selama 10 minit hingga ke 15 minit sahaja," katanya memberikan pandangan.

Daripada aspek kesihatan pula penggunaan dron boleh mengurangkan pendedahan terhadap racun yang boleh mendatangkan implikasi masalah kulit, mata dan sebagainya kalau didedahkan dalam tempoh masa panjang.

"Kalau guna dron, kita bancuh racun sendiri dengan memasukkan ke dalam tangki (16 liter) dan selebihnya dron akan buat," katanya.

KEDAH PEMETAAN

Lulusan kejuruteraan mekanikal dari Politeknik Seberang Perai ini berkata, sebelum memulakan aktiviti menyebarkan racun, baja, mahupun benih padi, beliau akan melakukan



MUHAMMAD Safwan menyediakan khidmat menyebarkan racun, baja dan benih menggunakan dron jenis Agras T16 DJI sebagai pendapatan tetap. - UTUSAN/NORUL AKMA MOHD. ZAIN



Saya menggunakan dron jenis Agras T16 DJI yang bernilai kira-kira RM54,000. Kelebihan dron ialah daripada segi penjimat kos dan lebih selamat digunakan."

24/3/2022

UTUSAN
MALAYSIAGAYA
INOVASI

25



**MUHAMMAD SAFWAN
ABU NASAN**

pemetaan (mapping) petak sawah terlebih dahulu.

Katanya, kaedah pemetaan tersebut melibatkan jumlah kadar racun serta masa penyemburan yang dilakukan secara automatik dengan menggunakan kemudahan internet jaringan tanpa wayar (Wi-Fi) dan 'hotspot' pada telefon pintar.

CABARAN TEKNOLOGI

Antara limitasi penggunaan peralatan dalam pertanian ialah aspek cuaca. Muhammad Safwan mengakui hal berkenaan



SHAMILA SHAHARUDIN

dan menyifatkan cuaca tidak menentu seperti hujan lebat akan merencatkan kerja penyemburan kerana dikhawatiri akan merosakkan sistem elektronik dron jika terkena air.

Awan tebal, pokok besar mahupun tiang elektrik pada petak sawah turut dikenalpasti sebagai faktor yang akan menyukarkan lagi proses pemetaan iaitu akan mengganggu sensor dron.

"Kalau ini berlaku, kita perlu melakukan semburan secara manual bagi memastikan kesemua kawasan petak sawah mendapat semburan racun, baja dan benih dengan sekata," katanya yang dibantu isteri, Shamila Shaharudin, 27.



'Petani perlu manfaat teknologi'

"SUDAH tiba masanya belia didedahkan dengan teknik pembelajaran menggunakan kaedah IoT dalam bidang pertanian menerusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) selaras dengan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR).

"Saya kira industri pertanian perlu beralih kepada teknologi lebih moden dalam memastikan tenaga kerja manusia dapat dijimatkan, di samping mampu mengoptimalkan hasil keluaran tanaman negara bukan sahaja padi, malah hasil komoditi lain," kata Shamila memberi reaksi.

Sementara itu, seorang pesawah Zamzuri Dja, 52 berkata, kemudahan dron bukan sahaja dapat mengurangkan



Saya lihat ramai dalam kalangan pesawah mahupun petani sudah mula menggunakan perkhidmatan dron kerana sedar manfaatnya."

**ZAMZURI
DIN**



pembaziran sumber tenaga manusia, tetapi pada masa sama menjimatkan kos bahan yang digunakan kerana kaedah penyemburan dilakukan dron adalah rata, seragam dan lebih berkesan.

"Saya lihat ramai dalam kalangan pesawah mahupun petani sudah mula menggunakan perkhidmatan dron kerana sedar manfaatnya.

"Ia perlu diperluas selaras dengan arus pemodenan dunia dalam usaha mengangkat sektor pertanian ke arah lebih maju dan berdaya saing," katanya.

DRON

» Kerja menyembur racun, semai baja mahupun benih padi oleh manusia mengambil masa satu jam untuk satu petak sawah tetapi dron mampu membuatnya dalam tempoh 10 ke 15 minit sahaja.

» Harga ditawarkan dalam anggaran RM40 untuk setiap satu petak sawah.

» Muhammad Safwan mengendalikan dron hasil tunjuk ajar daripada agensi Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA)

Pulau Pinang.

» Mengambil keputusan untuk berkecimpung secara serius dalam perkhidmatan menyembur racun, baja dan benih padi menggunakan dron selepas melihat potensi peralatan itu.